



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

VERSI DALAM TALIAN TEKS
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

Akta 469

AKTA OPTIK 1991

Sebagaimana pada 7 Ogos 2021

AKTA OPTIK 1991

Tarikh Perkenan Diraja 2 September 1991

Tarikh penyiaran dalam
Warta 12 September 1991

Kali terakhir dipinda melalui
P.U. (A) 331/2021 yang mula
berkuat kuasa pada 7 Ogos 2021

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 469

AKTA OPTIK 1991

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II MAJLIS OPTIK MALAYSIA

3. Penubuhan Majlis
4. Keanggotaan Majlis
5. Tempoh jawatan
6. Saraan
7. Kewarganegaraan
8. Pengosongan jawatan
9. Mesyuarat Majlis
10. Tatacara mesyuarat
11. Jawatankuasa
12. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
13. Pehidmat awam
14. Kuasa Menteri untuk mengeluarkan arahan
15. Penyata

BAHAGIAN III

PENDAFTARAN JURUOPTIK DAN OPTOMETRIS

Seksyen

16. Pendaftar
17. Daftar
18. Orang yang berhak didaftarkan sebagai juruoptik
19. Orang yang berhak didaftarkan sebagai optometris
20. Cara pendaftaran
21. Bidang kuasa tatatertib Majlis
22. Hukuman tatatertib
23. Siasatan
24. Penyerahan balik perakuan pendaftaran
25. Rayuan
26. Pengeluaran nama oleh sebab kelemahan fizikal atau mental
27. Perubahan kepada Daftar
28. Pemasukan semula nama dalam Daftar

BAHAGIAN IV

AMALAN OPTOMETRI

29. Hanya orang berdaftar sahaja boleh menjalankan amalan optometri
30. Majlis boleh membenarkan juruoptik mempreskripsi dan mendispens kanta lekap
31. Larangan terhadap penggunaan ubat dalam mengukur daya penglihatan
32. Perakuan amalan tahunan
33. Penjalanan amalan tanpa perakuan amalan tahunan

BAHAGIAN V

AM

34. Pendaftaran fraud
35. Kesalahan

Seksyen

36. Alat optik
37. Penalti am
38. Kuasa untuk memasuki premis dan memeriksa dan menyita dokumen, dsb.
39. Penjalanan pendakwaan
40. Pertubuhan perbadanan dan perkongsian
41. Kuasa Menteri untuk meminda Jadual
42. Peraturan-peraturan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 469

AKTA OPTIK 1991

Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai pendaftaran orang yang menjalankan amalan sebagai juruoptik dan optometris, bagi mengawal amalan optometri, dan perkara yang berkaitan dengannya.

*[Seluruh Malaysia; Bahagian I & II—1 Februari 1992,
P.U. (B) 39/1992;
seluruh Malaysia; Bahagian III, IV & V—1 Disember 1992,
P.U. (B) 650/1992]*

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Optik 1991.
- (2) Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh—
 - (a) menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa yang berlainan bagi peruntukan yang berlainan dalam Akta ini;

- (b) menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa yang berlainan bagi bahagian yang berlainan di Malaysia.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“alat optik” ertinya sesuatu alat yang direka bentuk untuk membetulkan, memulihkan atau meringankan apa-apa keabnormalan refraktif atau kecacatan optik pada penglihatan;

“anggota” ertinya anggota Majlis;

“Daftar” ertinya Daftar yang disimpan mengikut seksyen 17;

“institusi pengajian tinggi” ertinya Universiti atau Kolej Universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*];

“juruoptik berdaftar” ertinya seseorang juruoptik yang didaftarkan di bawah seksyen 18;

“kanta oftalmik” ertinya kanta yang digunakan untuk membetulkan, memulihkan atau meringankan apa-apa keabnormalan refraktif atau kecacatan optik pada penglihatan;

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Kesihatan, Malaysia;

“Majlis” ertinya Majlis Optik Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“optometri” ertinya penggunaan kaedah bagi mengukur daya penglihatan, atau penyesuaian kanta oftalmik atau prisma untuk membantu daya penglihatan, atau kedua-duanya;

“optometris berdaftar” ertinya seseorang optometris yang berdaftar di bawah seksyen 19;

“orang berdaftar” ertinya seseorang yang didaftarkan di bawah seksyen 18 atau 19 dan termasuk seseorang yang didaftarkan sementara di bawah subseksyen 18(3);

“pakar oftalmologi” ertinya seseorang yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971 [*Akta 50*] dan yang mengkhususkan diri dalam penjagaan keadaan mata;

“Pendaftar” ertinya Pendaftar yang disebut dalam seksyen 16;

“pengamal perubatan” ertinya seseorang yang didaftarkan di bawah Akta Perubatan 1971;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Majlis;

“Timbalan Ketua Pengarah” ertinya Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan, Malaysia.

BAHAGIAN II

MAJLIS OPTIK MALAYSIA

Penubuhan Majlis

3. Ditubuhkan suatu pertubuhan perbadanan yang kekal turun-temurun dan mempunyai meterai perbadanan dan yang boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas namanya yang hendaklah dikenali sebagai Majlis Optik Malaysia.

Keanggotaan Majlis

4. (1) Majlis hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

(a) Ketua Pengarah yang hendaklah menjadi Pengerusi;

(b) Timbalan Ketua Pengarah yang hendaklah menjadi Timbalan Pengerusi;

- (c) dua orang pakar oftalmologi yang bermastautin di Malaysia, seorang daripadanya hendaklah daripada sektor awam, yang hendaklah dilantik oleh Menteri;
 - (d) dua orang optometris berdaftar yang bermastautin di Malaysia yang hendaklah dipilih oleh optometris berdaftar yang bermastautin di Malaysia;
 - (e) dua orang juruoptik berdaftar yang bermastautin di Malaysia yang hendaklah dipilih oleh juruoptik berdaftar yang bermastautin di Malaysia;
 - (f) seorang wakil daripada mana-mana institusi pengajian tinggi yang menawarkan kursus atau program dalam optometri, yang hendaklah dilantik oleh Menteri.
- (2) Walau apa pun subseksyen (1), Majlis yang pertama hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:
- (a) Ketua Pengarah yang hendaklah menjadi Pengerusi;
 - (b) Timbalan Ketua Pengarah yang hendaklah menjadi Timbalan Pengerusi;
 - (c) dua orang pakar oftalmologi yang bermastautin di Malaysia, seorang daripadanya hendaklah daripada sektor awam, yang hendaklah dilantik oleh Menteri;
 - (d) dua orang yang bermastautin di Malaysia dan layak didaftarkan sebagai optometris di bawah Akta ini, yang hendaklah dilantik oleh Menteri;
 - (e) dua orang yang bermastautin di Malaysia dan layak didaftarkan sebagai juruoptik di bawah Akta ini, yang hendaklah dilantik oleh Menteri;
 - (f) seorang wakil daripada mana-mana institusi pengajian tinggi yang menawarkan kursus atau program dalam optometri, yang hendaklah dilantik oleh Menteri.

(3) Jika Pengerusi tidak dapat menjalankan fungsinya di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini kerana dia sakit, tidak ada di Malaysia atau apa-apa sebab lain, fungsinya hendaklah dijalankan oleh Timbalan Pengerusi.

(4) Tanpa menjejaskan subseksyen (3), Pengerusi boleh mewakilkan mana-mana fungsinya kepada Timbalan Pengerusi yang, pada menjalankan fungsi itu, hendaklah tertakluk kepada kawalan, pengawasan dan arahan Pengerusi.

Tempoh Pemegangan jawatan

5. (1) Tertakluk pada subseksyen (2), seseorang anggota yang dilantik atau dipilih di bawah subseksyen 4(1) atau (2) hendaklah memegang jawatan selama tempoh tiga tahun dan layak dilantik atau dipilih semula.

(2) Menteri hendaklah, pada melantik anggota yang disebut dalam perenggan 4(2)(c), (d) dan (e), memastikan bahawa tempoh jawatan seorang daripada anggota yang dilantik di bawah setiap perenggan itu habis tempoh satu tahun lebih awal daripada tempoh jawatan anggota yang satu lagi yang dilantik di bawah perenggan yang sama.

(3) Jika jawatan seseorang anggota menjadi kosong sebelum habis tempoh jawatannya, orang yang dilantik atau dipilih untuk mengisi kekosongan itu hendaklah memegang jawatan selama tempoh jawatan yang belum habis bagi anggota yang jawatannya telah menjadi kosong itu.

Saraan

6. (1) Tertakluk pada subseksyen (2), seseorang anggota tidak berhak dibayar berkenaan dengan tugas atau fungsi yang dijalankan olehnya menurut Akta ini.

(2) Seseorang anggota Majlis berhak mendapat bayaran ganti bagi apa-apa perbelanjaan yang semunasabahnya dilakukan olehnya pada menjalankan tugas atau fungsinya di bawah Akta ini.

Kewarganegaraan

7. Tiada seorang pun boleh dilantik atau dipilih menjadi anggota melainkan jika dia warganegara Malaysia.

Pengosongan jawatan

8. Seseorang anggota yang dilantik atau dipilih di bawah subseksyen 4(1) atau (2) hendaklah disifatkan telah mengosongkan jawatannya—

- (a) jika pelantikannya ditamatkan;
- (b) jika dia menjadi bankrap yang belum dilepaskan;
- (c) jika dia diperakui tidak sempurna akal;
- (d) jika dia telah disabitkan oleh mahkamah di Malaysia atau di tempat lain atas apa-apa kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak, atau atas apa-apa kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda) selama lebih daripada dua tahun;
- (e) jika dia meletakkan jawatannya secara bertulis yang dialamatkan kepada Pengerusi dan peletakan jawatan itu diterima oleh Pengerusi;
- (f) jika dia tidak menghadiri tiga mesyuarat Majlis berturut-turut tanpa kebenaran Majlis; atau
- (g) jika dia berhenti menjadi pakar oftalmologi, juruoptik berdaftar atau optometris berdaftar.

Mesyuarat Majlis

9. (1) Tertakluk pada subseksyen (2), sesuatu mesyuarat Majlis hendaklah dipanggil oleh Pengerusi melalui notis secara bertulis kepada anggota lain dan mesyuarat itu hendaklah diadakan pada masa dan di tempat yang dinyatakan dalam notis itu.

(2) Menteri boleh, melalui notis secara bertulis kepada setiap orang anggota, mengarahkan supaya suatu mesyuarat diadakan pada masa dan di tempat yang dinyatakan dalam notis itu.

(3) Majlis hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya enam bulan sekali.

Tatacara mesyuarat

10. (1) Pengerusi, jika hadir, hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat Majlis.

(2) Jika Pengerusi tidak hadir pada mana-mana mesyuarat Majlis, Timbalan Pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat dan jika kedua-duanya tidak hadir, anggota yang hadir pada mesyuarat itu hendaklah memilih seorang daripada mereka untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

(3) Pengerusi atau Timbalan Pengerusi, apabila dia mempengerusikan sesuatu mesyuarat, hendaklah mempunyai undi pemutus.

(4) Pada sesuatu mesyuarat Majlis, lima orang anggota membentuk kuorum.

(5) Semua soalan yang dikemukakan dalam mesyuarat Majlis hendaklah diputuskan dengan majoriti biasa anggota yang hadir dan mengundi.

(6) Tertakluk pada Akta ini, tatacara Majlis hendaklah sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

Jawatankuasa

11. (1) Majlis boleh melantik jawatankuasa-jawatankuasa untuk membantunya dalam menjalankan fungsinya di bawah Akta ini.

(2) Majlis boleh mewakilkan mana-mana fungsinya di bawah Akta ini, selain kuasa perwakilan ini, kepada mana-mana jawatankuasa yang dilantik dari kalangan anggota Majlis.

(3) Sesuatu perwakilan di bawah subseksyen (2) boleh dibatalkan oleh Majlis dan tidaklah menghalang Majlis daripada menjalankan mana-mana fungsinya di bawah Akta ini.

Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

12. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Majlis atau mana-mana anggota, pegawai, pekhidmat atau ejen Majlis berkenaan dengan apa-apa tindakan, pengabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya atas sifat sedemikian.

Pekhidmat awam

13. Semua anggota Majlis, semasa menjalankan kewajipan mereka sebagai anggota yang sedemikian itu, hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

Kuasa Menteri untuk mengeluarkan arahan

14. Menteri boleh, dari semasa ke semasa, mengeluarkan arahan am yang selaras dengan peruntukan Akta ini dan Majlis hendaklah melaksanakan arahan itu.

Penyata

15. Majlis hendaklah memberi Menteri segala penyata dan maklumat berkenaan dengan aktivitiya sebagaimana yang dikehendaki oleh Menteri dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN III**PENDAFTARAN JURUOPTIK DAN OPTOMETRIS****Pendaftar**

16. (1) Bagi maksud Akta ini hendaklah ada seorang Pendaftar.

(2) Ketua Pengarah hendaklah menjadi Pendaftar.

(3) Menteri boleh melantik seorang pegawai awam, yang tidak semestinya anggota Majlis, menjadi Timbalan Pendaftar.

(4) Pendaftar boleh mewakilkan mana-mana fungsinya di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini kepada Timbalan Pendaftar yang, pada menjalankan fungsi itu, hendaklah tertakluk pada kawalan, pengawasan dan arahan Pendaftar.

Daftar

17. (1) Pendaftar hendaklah menyebabkan Daftar yang berikut disimpan dalam bentuk yang ditetapkan:

(a) Daftar juruoptik;

(b) Daftar optometris.

(2) Tanpa menjejaskan subseksyen (1), Daftar boleh mengandungi apa-apa butir yang ditetapkan oleh Majlis.

(3) Pendaftar hendaklah bertanggungjawab bagi penyenggaraan dan penjagaan Daftar mengikut peruntukan Akta ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(4) Daftar hendaklah disifatkan sebagai dokumen awam mengikut pengertian Akta Keterangan 1950 [*Akta 56*].

(5) Suatu perakuan yang ditandatangani oleh Pendaftar bahawa mana-mana orang—

(a) didaftarkan atau tidak didaftarkan di bawah Akta ini; atau

(b) pernah atau tidak pernah pada bila-bila masa didaftarkan di bawah Akta ini,

hendaklah menjadi keterangan muktamad tentang perkara yang disebut dalam perakuan itu.

Orang yang berhak didaftarkan sebagai juruoptik

18. (1) Mana-mana orang berhak didaftarkan sebagai juruoptik jika dia memuaskan hati Majlis bahawa dia berumur tidak kurang daripada lapan belas tahun, ialah seorang yang layak dan sesuai didaftarkan sebagai juruoptik dan memegang mana-mana kelulusan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Majlis boleh membenarkan pendaftaran mana-mana orang sebagai juruoptik jika dia memuaskan hati Majlis bahawa dia berumur tidak kurang daripada lapan belas tahun, ialah seorang yang layak dan sesuai didaftarkan sebagai juruoptik dan—

(a) telah menjalankan amalan mempreskripsi dan mendispens kanta oftalmik selama tempoh yang tidak kurang daripada satu tahun sebaik sebelum Akta ini mula berkuat kuasa; atau

(b) mempunyai kelulusan yang tidak dinyatakan dalam Jadual Pertama tetapi kelulusan itu dianggap disifatkan sesuai oleh Menteri, selepas berunding dengan Majlis, bagi maksud pendaftaran.

(3) Majlis boleh, tertakluk pada apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Majlis, membenarkan seseorang—

- (a) yang sedang menghadiri suatu kursus yang membawa kepada mana-mana kelulusan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama; dan
- (b) yang dikehendaki menjalani latihan amali sebagai sebahagian daripada kursus itu,

didaftarkan sementara dalam Daftar juruoptik selama tempoh latihan amali itu dan, walau apa pun seksyen 29, orang itu boleh menjalankan amalan seolah-olah dia ialah seorang juruoptik berdaftar.

(4) Jika Majlis berpuas hati bahawa seseorang yang telah didaftarkan sementara di bawah subseksyen (3)—

- (a) tidak atau tidak lagi menghadiri suatu kursus yang membawa kepada mana-mana kelulusan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama;
- (b) tidak atau tidak lagi menjalani latihan amali sebagai sebahagian daripada kursus itu; atau
- (c) telah melanggar apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan ke atasnya,

Majlis boleh membatalkan pendaftaran sementara orang itu dan memerintahkan supaya namanya dipotong daripada Daftar.

Orang yang berhak didaftarkan sebagai optometris

19. (1) Mana-mana orang berhak didaftarkan sebagai optometris jika dia memuaskan hati Majlis bahawa dia berumur tidak kurang daripada lapan belas tahun, ialah seorang yang layak dan sesuai didaftarkan sebagai optometris dan memegang mana-mana kelulusan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(2) Majlis boleh membenarkan pendaftaran mana-mana orang sebagai optometris jika dia memuaskan hati Majlis bahawa dia berumur tidak kurang daripada lapan belas tahun, ialah seorang yang layak dan sesuai didaftarkan sebagai optometris dan mempunyai kelulusan yang tidak dinyatakan dalam Jadual Kedua tetapi kelulusan itu dianggap sesuai oleh Menteri, selepas berunding dengan Majlis, bagi maksud pendaftaran.

Cara pendaftaran

20. (1) Tertakluk pada peruntukan-peruntukan Akta ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, mana-mana orang yang mahu supaya didaftarkan di bawah Akta ini boleh memohon kepada Pendaftar dalam borang yang ditetapkan.

(2) Pendaftaran di bawah Akta ini hendaklah dilaksanakan dengan mencatatkan dalam Daftar butir-butir pemohon sebagaimana yang ditetapkan apabila fi yang ditetapkan dibayar.

(3) Tiap-tiap catatan dalam Daftar hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi.

(4) Jika seseorang didaftarkan di bawah Akta ini, Majlis hendaklah menyebabkan supaya dikeluarkan kepadanya suatu perakuan pendaftaran yang ditandatangani oleh Pengerusi.

(5) Seksyen ini hendaklah terpakai bagi sesuatu permohonan bagi pendaftaran sementara di bawah subseksyen 18(3) dan bagi pendaftaran sementara itu sendiri.

Bidang kuasa tata tertib Majlis

21. (1) Majlis hendaklah mempunyai bidang kuasa tata tertib ke atas semua orang berdaftar.

(2) Majlis boleh menjalankan bidang kuasa tata tertib ke atas mana-mana orang berdaftar—

- (a) yang pendaftarannya telah diperoleh secara fraud atau salah nyataan;
- (b) yang diploma, sijil atau kelulusannya yang lain telah ditarik balik atau dibatalkan oleh universiti, kolej atau badan yang menganugerahkannya;
- (c) yang telah disabitkan oleh mahkamah di Malaysia atau di tempat lain atas apa-apa kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak atau yang telah dijatuhi hukuman pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja, atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda) selama tempoh yang lebih daripada satu tahun; atau
- (d) yang tidak berhak didaftarkan pada masa dia didaftarkan.

Hukuman tatatertib

22. (1) Majlis boleh, pada menjalankan bidang kuasa tatatertibnya, mengenakan mana-mana hukuman yang berikut:

- (a) memerintahkan supaya nama orang berdaftar itu dikeluarkan daripada Daftar;
- (b) memerintahkan supaya nama orang berdaftar itu digantung daripada Daftar selama suatu tempoh yang difikirkannya patut;
- (c) membuat mana-mana perintah di atas tetapi menggantung pelaksanaannya, tertakluk pada apa-apa syarat yang difikirkannya patut, selama suatu tempoh atau tempoh tidak melebihi dua tahun; atau
- (d) memerintahkan supaya orang berdaftar itu dicela.

(2) Majlis boleh, dalam mana-mana kes, membuat apa-apa perintah yang difikirkannya patut berkenaan dengan pembayaran kos Pendaftar dan mana-mana pengadu atau orang berdaftar itu.

(3) Apa-apa kos yang diawardkan di bawah subseksyen (2) boleh didapatkan sebagai hutang sivil.

Siasatan

23. (1) Sebelum membuat apa-apa perintah tatatertib, Majlis hendaklah mengadakan suatu siasatan.

(2) Orang berdaftar yang terhadapnya apa-apa pengaduan dibuat boleh diwakili oleh seorang peguam atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh orang berdaftar itu secara bertulis.

(3) Dalam menjalankan siasatan, Majlis tidak terikat oleh peruntukan Akta Keterangan 1950 atau oleh mana-mana tatacara undang-undang tetapi boleh menjalankan siasatan mengikut cara yang difikirkannya patut.

(4) Majlis boleh melantik seorang peguam untuk membantu Majlis.

(5) Majlis boleh menggantung, buat sementara waktu, pendaftaran orang berdaftar sementara menunggu keputusan Majlis atau pemberesan mana-mana rayuan.

Penyerahan balik perakuan pendaftaran

24. (1) Jika nama seseorang orang berdaftar telah diperintahkan oleh Majlis supaya dipotong daripada Daftar, orang itu hendaklah menyerahkan perakuan pendaftarannya kepada Majlis dalam tempoh empat belas hari dari penerimaan perintah itu.

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

Rayuan

25. (1) Mana-mana orang yang terkilan dengan apa-apa perintah yang dibuat berkenaan dengannya oleh Majlis di bawah seksyen 22 boleh merayu, mengikut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, kepada Lembaga Rayuan yang ditubuhkan di bawah subseksyen (6) dan Lembaga Rayuan itu boleh, berikutan dengan itu, mengesah, mengakas atau mengubah perintah yang dirayukan itu atau memberikan apa-apa perintah yang difikirkannya adil atau patut.

(2) Lembaga Rayuan boleh, dalam mana-mana kes, membuat apa-apa perintah yang difikirkannya patut berkenaan dengan pembayaran kos, dan apa-apa kos yang diawardkan boleh didapatkan sebagai hutang sivil.

(3) Walau apa pun subseksyen (1), Lembaga Rayuan tidaklah mempunyai kuasa untuk mendengar rayuan terhadap sesuatu perintah yang dibuat di bawah seksyen 22 melainkan jika notis rayuan diberikan dalam masa satu bulan dari penyampaian perintah itu.

(4) Majlis hendaklah memberikan kuat kuasa kepada apa-apa keputusan yang dibuat oleh Lembaga Rayuan.

(5) Keputusan Lembaga Rayuan adalah muktamad.

(6) Bagi maksud seksyen ini, suatu Lembaga Rayuan hendaklah ditubuhkan yang terdiri daripada—

(a) seorang Hakim Mahkamah Tinggi, sebagai Pengerusi, yang hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong selepas berunding dengan Ketua Hakim Negara; dan

(b) dua orang lain yang hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

(7) Seseorang anggota Lembaga Rayuan hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan jawatannya atau pelantikannya dibatalkan, memegang jawatan selama tempoh yang dinyatakan dalam surat cara yang melantiknya dan adalah layak untuk dilantik semula.

(8) Tertakluk pada Akta ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, tatacara Lembaga Rayuan hendaklah ditentukan oleh Lembaga itu.

Pemotongan nama oleh sebab kelemahan fizikal atau mental

26. (1) Tanpa menjejaskan subseksyen 18(4) dan seksyen 22, Majlis boleh memerintahkan supaya nama mana-mana orang berdaftar dikeluarkan daripada Daftar jika Majlis berpuas hati bahawa orang berdaftar itu tidak berupaya, oleh sebab kelemahan fizikal atau mental, untuk menjalankan tugasnya sebagai juruoptik atau optometris.

(2) Bagi maksud memuaskan hatinya bahawa mana-mana orang berdaftar tidak berupaya, oleh sebab kelemahan fizikal atau mental, untuk menjalankan tugasnya sebagai juruoptik atau optometris, Majlis hendaklah melantik suatu Lembaga Kajian Semula Perubatan yang hendaklah terdiri tidak kurang daripada tiga orang pengamal perubatan untuk menjalankan siasatan atas setiap kes dan membuat apa-apa syor yang difikirkan patut oleh Lembaga itu.

(3) Seksyen 24 dan 25 hendaklah terpakai bagi mana-mana orang yang namanya telah diperintahkan supaya dipotong daripada Daftar di bawah seksyen ini.

Perubahan kepada Daftar

27. Tanpa menjejaskan mana-mana peruntukan lain Akta ini, jika Majlis berpuas hati bahawa seseorang orang berdaftar—

- (a) telah meninggal dunia;
- (b) tidak lagi menjalankan amalan sebagai juruoptik atau optometris di Malaysia; atau
- (c) diterima masuk atau dikurung dalam mana-mana hospital mental di bawah mana-mana undang-undang,

Majlis hendaklah menyebabkan supaya namanya dan semua butir yang berhubungan dengannya dipotong daripada Daftar yang berkenaan.

Pemasukan semula nama dalam Daftar

28. (1) Jika nama seseorang orang berdaftar telah dikeluarkan daripada Daftar, dia boleh memohon supaya namanya dimasukkan semula ke dalam Daftar atas alasan bahawa disebabkan oleh sesuatu perubahan tertentu hal keadaan yang telah berlaku semenjak tarikh pengeluaran itu sepatutnya namanya dimasukkan semula sedemikian.

(2) Apabila permohonan dibuat kepadanya, Majlis boleh, menurut budi bicaranya, memerintahkan supaya nama pemohon itu dimasukkan semula ke dalam Daftar.

(3) Seseorang yang terkilan dengan keputusan Majlis di bawah subseksyen (2) boleh merayu kepada Menteri dan keputusan Menteri adalah muktamad dan konklusif.

BAHAGIAN IV

AMALAN OPTOMETRI

Hanya orang berdaftar sahaja boleh menjalankan amalan optometri

29. (1) Tiada seorang pun boleh menjalankan amalan optometri melainkan jika dia seorang orang berdaftar.

(2) Walau apa pun subseksyen (1) tetapi tertakluk pada seksyen 30, tiada seorang pun boleh mempreskripsi atau mendispens kanta lekap melainkan jika dia seorang optometris berdaftar.

(3) Subseksyen (1) dan (2) tidaklah terpakai bagi seorang pengamal perubatan.

(4) Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan.

Majlis boleh membenarkan juruoptik mempreskripsi dan mendispens kanta lekap

30. (1) Walau apa pun subseksyen 29(2), Majlis boleh, atas permohonan seseorang juruoptik berdaftar—

- (a) yang telah mempreskripsi dan mendispens kanta lekap selama tempoh tiga tahun atau lebih sebaik sebelum Akta ini mula berkuat kuasa; atau
- (b) yang telah mempreskripsi dan mendispens kanta lekap selama tempoh yang kurang daripada tiga tahun sebaik sebelum Akta ini mula berkuat kuasa dan, tertakluk pada subseksyen (2), telah lulus, dalam tempoh enam tahun dari tarikh Akta ini mula berkuat kuasa, peperiksaan yang diadakan oleh Majlis,

membenarkannya terus mempreskripsi dan mendispens kanta lekap.

(2) Tiada seorang pun boleh dibenarkan menduduki peperiksaan yang disebut dalam perenggan (1)(b) melainkan jika dia telah menamatkan, dalam masa satu tahun dari tarikh Akta ini mula berkuat kuasa, suatu kursus latihan yang diluluskan oleh Majlis dan telah menjalankan amalan mempreskripsi dan mendispens kanta lekap selama suatu tempoh yang tidak boleh kurang daripada perbezaan antara tempoh tiga tahun dengan tempoh dia telah mempreskripsi dan mendispens kanta lekap sebelum Akta ini mula berkuat kuasa.

(3) Walau apa pun subseksyen 29(2) dan semata-mata bagi maksud perenggan (1)(b), seseorang juruoptik berdaftar yang disebut dalam perenggan itu boleh terus mempreskripsi dan mendispens kanta lekap selama tempoh yang tidak melebihi enam tahun dari tarikh Akta ini mula berkuat kuasa.

(4) Walau apa pun subseksyen 29(2) dan subseksyen (1) seksyen ini, Majlis boleh, apabila permohonan dibuat oleh seseorang juruoptik berdaftar dan apabila Majlis berpuas hati bahawa pemohon telah menerima latihan yang sepatutnya, dan bahawa dia kompeten, dalam

mempreskripsi dan mendispens kanta lekap, membenarkannya mempreskripsi dan mendispens kanta lekap.

(5) Majlis boleh, sebelum memberikan kebenarannya di bawah subseksyen (4), menghendaki pemohon lulus peperiksaan yang diadakan oleh Majlis.

(6) Kebenaran yang disebut dalam subseksyen (1) dan (4) hendaklah diberikan secara bertulis dalam apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Majlis.

Larangan terhadap penggunaan ubat dalam mengukur daya penglihatan

31. (1) Tiada seorang pun, selain pengamal perubatan, boleh menggunakan suatu kaedah pengukuran daya penglihatan yang melibatkan penggunaan ubat.

(2) Walau apa pun subseksyen (1)—

(a) seseorang optometris berdaftar; atau

(b) seseorang juruoptik berdaftar yang dibenarkan mempreskripsi dan mendispens kanta lekap di bawah Akta ini,

boleh menggunakan, bagi maksud refraktif, apa-apa ubat yang difikirkan sesuai oleh Majlis dari semasa ke semasa.

Perakuan amalan tahunan

32. (1) Seseorang orang berdaftar yang berniat untuk menjalankan amalan sebagai juruoptik atau optometris selepas 31 Disember mana-mana tahun hendaklah, tidak lewat daripada 1 Disember tahun itu, membuat permohonan dalam borang yang ditetapkan dan membayar fi yang ditetapkan bagi mendapatkan suatu perakuan untuk menjalankan amalan sebagai juruoptik atau optometris dalam tahun yang berikutnya.

(2) Apabila menerima permohonan dan bayaran yang disebut dalam subseksyen (1), Pendaftar hendaklah mengeluarkan suatu perakuan amalan tahunan kepada pemohon yang membenarkan pemohon menjalankan amalan sebagai juruoptik atau optometris dalam tahun yang baginya perakuan itu dikeluarkan.

(3) Tertakluk pada subseksyen (4), sesuatu perakuan yang dikeluarkan di bawah subseksyen (2) hendaklah berkuat kuasa sehingga 31 Disember tahun yang baginya perakuan itu dikeluarkan.

(4) Seseorang orang berdaftar yang tidak memohon untuk mendapatkan suatu perakuan amalan tahunan mengikut cara dan dalam tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (1) boleh, apabila dia membuat permohonan dalam borang yang ditetapkan dan apabila dia membayar fi tambahan yang ditetapkan, diberi suatu perakuan amalan tahunan bagi tahun yang berikutnya, jika permohonan itu dibuat dalam bulan Disember mana-mana tahun, atau bagi baki tahun itu, jika permohonan dibuat pada atau selepas 1 Januari mana-mana tahun.

(5) Walau apa pun apa-apa jua yang berlawanan dalam Akta ini, seorang orang berdaftar boleh menjalankan amalan sebagai juruoptik atau optometris tanpa perakuan amalan tahunan sehingga 31 Disember tahun dia pertama kalinya didaftarkan sebagai juruoptik atau optometris dan, bagi maksud Akta ini dan mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, dia hendaklah disifatkan mempunyai perakuan amalan tahunan bagi tempoh itu.

(6) Sesuatu perakuan amalan tahunan dan sesuatu permohonan perakuan amalan tahunan hendaklah mengandungi alamat tempat utama pemohon menjalankan amalan dan semua tempat lain di mana pemohon menjalankan amalan, dan apa-apa pertukaran mana-mana alamat itu hendaklah diberitahu oleh orang berdaftar itu kepada Pendaftar dan suatu pengendorsan pertukaran itu pada perakuan amalan tahunan hendaklah didapatkan daripada Pendaftar dalam masa tiga puluh hari dari pertukaran itu.

(7) Mana-mana orang yang tidak memberitahu Pendaftar, sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (6), tentang apa-apa pertukaran alamat melakukan suatu kesalahan.

(8) Suatu perakuan yang ditandatangani oleh Pendaftar bahawa mana-mana orang—

- (a) ialah atau bukan pemegang suatu perakuan amalan tahunan; atau
- (b) pernah menjadi atau tidak pernah menjadi pada bila-bila masa pemegang suatu perakuan amalan tahunan,

hendaklah menjadi keterangan konklusif tentang perkara yang disebut dalam perakuan itu.

Penjalanan amalan tanpa perakuan amalan tahunan

33. Seseorang yang—

- (a) menjalankan amalan sebagai juruoptik atau optometris tanpa suatu perakuan amalan tahunan yang sah;
- (b) berkongsi dengan seseorang yang menjalankan amalan sebagai juruoptik atau optometris tanpa suatu perakuan amalan tahunan yang sah; atau
- (c) mengambil kerja seseorang yang menjalankan amalan sebagai juruoptik atau optometris tanpa suatu perakuan amalan tahunan yang sah,

melakukan suatu kesalahan dan tidaklah berhak mendapatkan apa-apa fi, hadiah, pembayaran atau kos yang ditanggung dalam masa dia atau mana-mana orang lain yang disebut dalam perenggan (b) dan (c) tidak mempunyai perakuan amalan tahunan.

BAHAGIAN V

AM

Pendaftaran fraud

34. Seseorang yang didaftarkan atau yang cuba mendapatkan pendaftaran bagi dirinya atau mana-mana orang lain di bawah Akta ini dengan membuat atau mengemukakan atau menyebabkan dibuat atau dikemukakan apa-apa representasi atau akuan palsu atau fraud sama ada secara lisan atau bertulis melakukan suatu kesalahan.

Kesalahan

35. (1) Seseorang yang tidak didaftarkan di bawah Akta ini melakukan suatu kesalahan jika dia—

- (a) dengan sengaja dan dengan palsu memakai atau menggunakan nama atau gelaran “juruoptik” atau “optometris”;
- (b) dengan sengaja dan dengan palsu berpura-pura menjadi seorang orang berdaftar;
- (c) dengan sengaja dan dengan palsu berpura-pura berkelayakan untuk menjalankan amalan optometri;
- (d) dengan sengaja dan dengan palsu memakai atau menggunakan apa-apa nama, gelaran, tambahan atau perihalan yang membayangkan bahawa dia ialah seorang orang berdaftar atau bahawa dia diiktiraf di sisi undang-undang sebagai seorang juruoptik atau optometris;
- (e) dengan sengaja dan dengan palsu memakai atau menggunakan apa-apa nama, gelaran, tambahan atau perihalan, atau menggunakan apa-apa alat, yang direncanakan untuk mendorong mana-mana orang supaya mempercayai bahawa dia berkelayakan menjalankan amalan optometri;

- (f) menggunakan istilah “juruoptik” atau “optometris” atau sesuatu perkataan yang sama erti dengan salah satu istilah itu dalam apa-apa bahasa lain pada papan tanda di tempat amalannya dengan berupa sebagai menjalankan amalan optometri; atau
- (g) mengemukakan dirinya, melalui iklan atau selainnya, sebagai berkelayakan atau dibenarkan untuk menjalankan amalan optometri.

(2) Seseorang atau sesuatu firma melakukan suatu kesalahan jika dalam masa orang atau firma itu menjalankan sesuatu perniagaan—

- (a) mana-mana orang yang diambil kerja oleh orang atau firma itu; atau
- (b) mana-mana anggota firma itu,

menjalankan amalan optometri tanpa didaftarkan di bawah Akta ini.

(3) Seseorang yang melakukan kesalahan di bawah seksyen ini, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh yang tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Alat optik

36. (1) Tertakluk pada subseksyen (2), tiada seorang pun boleh menjual apa-apa alat optik melainkan jika jualan itu dilaksanakan oleh atau di bawah penyeliaan seorang pengamal perubatan atau seorang orang berdaftar.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi penjualan sesuatu alat optik—

- (a) kepada pengamal perubatan atau orang berdaftar;

- (b) kepada pengilang atau peniaga alat optik bagi maksud perniagaannya;
- (c) kepada mana-mana pihak berkuasa atau orang yang bertanggungjawab bagi pengurusan—
 - (i) sesuatu hospital;
 - (ii) sesuatu klinik;
 - (iii) sesuatu rumah jagaan kejururawatan; atau
 - (iv) mana-mana institusi lain yang memberikan rawatan perubatan atau pembedahan dan yang diluluskan oleh Menteri; atau
- (d) kepada sesuatu jabatan kerajaan; atau
- (e) bagi maksud pengeksportannya.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

(4) Dalam apa-apa pendakwaan kerana menjual suatu alat optik yang melanggar subseksyen (1), adalah menjadi pembelaan jika pembela membuktikan bahawa dia menjual alat itu sebagai suatu barang antik dan bahawa dia tidak tahu dan tiada sebab untuk mempercayai bahawa alat itu telah dibeli bagi maksud digunakan untuk membetulkan, memulihkan atau melegakan kecacatan penglihatan.

Penalti am

37. (1) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini yang baginya tiada penalti yang khusus diperuntukkan boleh, apabila disabitkan—

- (a) berkenaan dengan kesalahan kali pertama, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit;

- (b) berkenaan dengan kesalahan kali kedua atau yang selanjutnya, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(2) Dalam hal sesuatu kesalahan yang berterusan, seseorang yang disabitkan di bawah Akta ini boleh didenda selanjutnya sebanyak lima puluh ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan selepas sabitan sebagai tambahan kepada penalti yang diperuntukkan di bawah perenggan (1)(a) dan (b).

Kuasa untuk memasuki premis dan memeriksa dan menyita dokumen, dsb.

38. (1) Bagi maksud Akta ini, seseorang pegawai awam yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah boleh, dalam waktu perniagaan biasa, memasuki premis yang seseorang orang berdaftar menjalankan amalan optometri atau yang mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa seseorang menjalankan amalan optometri dan—

- (a) boleh memeriksa apa-apa dokumen, radas atau artikel yang disimpan atau digunakan berkaitan dengan amalan itu;
- (b) jika seseorang menjalankan amalan optometri tanpa berdaftar di bawah Akta ini, boleh menyita apa-apa dokumen, radas atau artikel yang disimpan atau digunakan berkaitan dengan amalan itu; dan
- (c) boleh menghendaki supaya maklumat, yang berhubungan dengan amalan itu, sebagaimana yang dinyatakan oleh orang diberi kuasa itu diberikan kepadanya.

(2) Mana-mana orang yang—

- (a) mengugut, menghalang atau mengganggu orang diberi kuasa melaksanakan tugas orang diberi kuasa itu;
- (b) enggan membenarkan orang diberi kuasa memeriksa apa-apa dokumen, radas atau artikel;
- (c) enggan menunjukkan apa-apa dokumen, radas atau artikel untuk diperiksa oleh orang diberi kuasa;
- (d) enggan menyerahkan apa-apa dokumen, radas atau artikel kepada orang diberi kuasa;
- (e) enggan memberikan apa-apa maklumat yang dikehendaki oleh orang diberi kuasa; atau
- (f) cuba melakukan mana-mana perbuatan di atas,

melakukan suatu kesalahan.

(3) Jika seseorang orang diberi kuasa menyita apa-apa dokumen, radas atau artikel, dia hendaklah memberikan resit yang bertandatangan bagi dokumen, radas atau artikel itu.

(4) Mana-mana orang yang menjalankan kuasa di bawah seksyen ini hendaklah menunjukkan surat pemberikuasaannya apabila diminta.

Penjalanan pendakwaan

39. Seseorang pegawai awam yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah boleh menjalankan apa-apa pendakwaan berkenaan dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini.

Pertubuhan perbadanan dan perkongsian

40. (1) Jika sesuatu pertubuhan perbadanan melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini, tiap-tiap pengarah dan pengurusnya adalah, melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu dilakukan tanpa pengetahuannya, bersalah atas kesalahan itu.

(2) Jika sesuatu perkongsian melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini, tiap-tiap pekongsi adalah, melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu dilakukan tanpa pengetahuannya, bersalah atas kesalahan itu.

Kuasa Menteri untuk meminda Jadual

41. Menteri, selepas berunding dengan Majlis, boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menambah kepada, memotong daripada atau meminda senarai kelulusan yang boleh didaftarkan yang terdapat dalam Jadual.

Peraturan-peraturan

42. (1) Menteri, selepas berunding dengan Majlis, boleh membuat peraturan-peraturan untuk menetapkan apa-apa jua yang dikehendaki atau dibenarkan ditetapkan di bawah Akta ini dan pada amnya untuk melaksanakan tujuan dan maksud Akta ini.

(2) Khususnya dan tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan itu boleh menetapkan mana-mana atau kesemua yang berikut:

- (a) tugas Pendaftar;
- (b) bentuk Daftar, isi kandungannya dan cara menyimpannya;
- (c) fi yang kena dibayar di bawah Akta ini dan apa-apa pengecualian daripadanya sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri;
- (d) bentuk dan cara yang baginya permohonan pendaftaran dan permohonan perakuan amalan tahunan hendaklah dibuat;
- (e) cara membuktikan kelayakan untuk menjalankan amalan sebagai juruoptik atau optometris;

- (f) pengurusan harta Majlis dan pengauditan akaunnya;
 - (g) tatacara yang hendaklah diikuti berhubung dengan siasatan yang diadakan di bawah Akta ini;
 - (h) tatacara yang hendaklah diikuti berhubung dengan rayuan di bawah seksyen 25;
 - (i) tatacara bagi pemilihan anggota Majlis;
 - (j) cara menjalankan peperiksaan dan perkara yang akan diperiksa;
 - (k) cara yang baginya kursus latihan yang disebut dalam seksyen 30 hendak dijalankan dan sukatan pelajaran bagi kursus itu;
 - (l) bentuk apa-apa perakuan atau dokumen lain yang dikehendaki di bawah Akta ini.
-

JADUAL PERTAMA

[Seksyen 18]

SENARAI-KELULUSAN YANG BOLEH DIDAFTARKAN BAGI
JURUOPTIK

<i>Negeri tempat kelulusan diberikan</i>	<i>Nama Yayasan yang memberikan kelulusan</i>	<i>Perihal kelulusan</i>
India	Shri Vaishnav Polytechnic	Diploma in Optometry
	Municipal Eye Hospital Kamathipura, Bombay	Diploma in Optometry
	Sarojini Devi Eye Hospital, Hyderabad	Diploma in Optometry
	Government Eye Hospital Egmore, Madras	Diploma in Optometry
	Sitapur Eye Hospital, Sitapur	Diploma in Optometry
Indonesia	Akademi Refraksionis Optisien, Surabaya (selepas 29 September 1997 dikenali sebagai Akademi Refraksi Optisi, Surabaya)	Diploma in Optometry
Malaysia	Kolej Vision	Diploma Opticianri (Diiktiraf pada 14 November 2018)
Filipina	Central College of Philippines	Doctor of Optometry
	South Western University	Doctor of Optometry
United Kingdom	The Association of Dispensing Opticians	Fellow of the Association of Dispensing Opticians
	The Association of British Dispensing Opticians	Fellow of the Association of British

<i>Negeri tempat kelulusan diberikan</i>	<i>Nama Yayasan yang memberikan kelulusan</i>	<i>Perihal kelulusan</i>
		Dispensing Opticians (sebelum 1 Januari 1986, tidak diiktiraf)
	Institut Profesional Axismatics, Malaysia	Fellow of the Association of British Dispensing Opticians yang diberikan oleh The Association of British Dispensing Opticians melalui program berkembar (Diiktiraf pada 4 Julai 2014)
	Bradford Technical College	Fellow of the Association of Dispensing Opticians
	City and East London College of Applied Optics	Fellow of the Association of Dispensing Opticians
	Glasgow College of Technology	Diploma in Ophthalmic Dispensing

JADUAL KEDUA

[Seksyen 19]

SENARAI KELULUSAN YANG BOLEH DIDAFTARKAN BAGI
OPTOMETRIS

<i>Negeri tempat kelulusan diberikan</i>	<i>Nama Yayasan yang memberikan kelulusan</i>	<i>Perihal kelulusan</i>
Australia	Queensland University of Technology	Bachelor of Applied Science (Optometry)
	University of Melbourne	Bachelor of Science in Optometry (Diiktiraf pada 1 Januari 1979 hingga 31 Disember 1994)
		Bachelor of Optometry (Diiktiraf pada 1 Januari 1995 hingga 1 Mac 2020)
	University of New South Wales	Bachelor of Optometry (Diiktiraf pada 1 Januari 1965)
		Bachelor of Optometry (Hons) (Diiktiraf pada 1 Januari 1965)
Kanada	University of Waterloo	Doctor of Optometry
Hong Kong	Hong Kong Polytechnic	Bachelor of Science
	Institute of Medical and Health Care	Diploma in Optometry
India	Birla Institute of Technology and Science, Pilani	
	- Elite School of Optometry, Madras	Bachelor of Science in Optometry (Tidak diiktiraf selepas 31 Julai 2021)

<i>Negeri tempat kelulusan diberikan</i>	<i>Nama Yayasan yang memberikan kelulusan</i>	<i>Perihal kelulusan</i>
	- Institut Nasional Sains Oftalmik, Malaysia	Bachelor of Science in Optometry (Tidak diiktiraf selepas 31 Julai 2021)
Malaysia	Universiti Kebangsaan Malaysia	Sarjana Muda Optometri
	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	Sarjana Muda Optometri (Kepujian)
	Kolej Universiti Teknologi Antarabangsa Twintech	Sarjana Muda Optometri (Kepujian) (Tidak diiktiraf selepas 1 Januari 2018)
	Universiti Teknologi MARA	Sarjana Muda Optometri (Kepujian)
	Management & Science University	Sarjana Muda Optometri (Kepujian) (Diiktiraf pada 4 Julai 2014)
	Universiti SEGi	Sarjana Muda Optometri (Kepujian) (Diiktiraf pada 22 April 2015)
	Universiti UCSI	Sarjana Muda Optometri (Kepujian) (Diiktiraf pada 14 November 2018)
New Zealand	University of Auckland	Diploma in Optometry (Diiktiraf pada 1 Januari 1967 hingga 31 Disember 1985)
		Bachelor of Optometry (Diiktiraf pada 1 Januari 1983)
Nigeria	University of Benin	Bachelor of Science in Optometry

<i>Negeri tempat kelulusan diberikan</i>	<i>Nama Yayasan yang memberikan kelulusan</i>	<i>Perihal kelulusan</i>
United Kingdom	University of Aston in Birmingham	Bachelor of Science in Ophthalmic Optics
	University of Bradford	Bachelor of Science in Ophthalmic Optics (Diiktiraf pada 1 Disember 1992 hingga 11 Julai 2000)
		Bachelor of Science in Optometry (Hons) (Diiktiraf pada 12 Julai 2000)
	City University London	Bachelor of Science in Ophthalmic Optics Bachelor of Science in Optometry
	University of Manchester Institute of Science and Technology	Bachelor of Science in Ophthalmic Optics
	University of Manchester	Bachelor of Science in Optometry (Hons) (Diiktiraf pada 1 Januari 2006)
	Cardiff University	Bachelor of Science in Optometry
	Glasgow College of Technology (selepas April 1993 dikenali sebagai Glasgow Caledonian University)	Bachelor of Science in Optometry
Amerika Syarikat	Indiana University, Bloomington	Doctor of Optometry
	Ohio State University	Doctor of Optometry
	University of California, Berkeley	Doctor of Optometry
	University of Houston	Doctor of Optometry

<i>Negeri tempat kelulusan diberikan</i>	<i>Nama Yayasan yang memberikan kelulusan</i>	<i>Perihal kelulusan</i>
	University of Alabama in Birmingham	Doctor of Optometry
	New York State University	Doctor of Optometry
	Illinois College of Optometry, Chicago	Doctor of Optometry
	The New England College of Optometry, Boston	Doctor of Optometry
	Pacific University of Oregon	Doctor of Optometry
	Southern College of Optometry, Memphis	Doctor of Optometry
	The Southern California College of Optometry	Doctor of Optometry
	Ferris State University	Doctor of Optometry
	University of Missouri, St. Louis	Doctor of Optometry

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

AKTA 469

AKTA OPTIK 1991

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
P.U. (A) 66/1994	Perintah Optik (Pindaan Jadual Kedua) 1994	25-02-1994
P.U. (A) 597/1996	Perintah Optik (Pindaan Jadual Pertama) 1996	13-12-1996
P.U. (A) 122/1997	Perintah Optik (Pindaan Jadual Pertama) 1997	28-03-1997
P.U. (A) 158/2006	Perintah Optik (Pindaan Jadual Pertama) 2006	28-04-2006
P.U. (A) 159/2006	Perintah Optik (Pindaan Jadual Kedua) 2006	28-04-2006
P.U. (A) 159/2007	Perintah Optik (Pindaan Jadual Kedua) 2007	13-04-2007
P.U. (A) 463/2008	Perintah Optik (Pindaan Jadual Kedua) 2008	31-12-2008
P.U. (A) 33/2010	Perintah Optik (Pindaan Jadual Kedua) 2010	05-02-2010
P.U. (A) 207/2011	Perintah Optik (Pindaan Jadual Kedua) 2011	29-06-2011
P.U. (A) 231/2014	Perintah Optik (Pindaan Jadual Kedua) 2014	13-08-2014
P.U. (A) 14/2015	Perintah Optik (Pindaan Jadual Kedua) 2015	31-01-2015
P.U.(A) 1/2016	Perintah Optik (Pindaan Jadual Kedua) 2016	08-01-2016

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
P.U.(A) 74/2017	Perintah Optik (Pindaan Jadual Kedua) 2017	14-03-2017
P.U.(A) 121/2017	Perintah Optik (Pindaan Jadual Pertama) 2017	14-04-2017
P.U.(A) 125/2017	Perintah Optik (Pindaan Jadual Pertama dan Kedua) 2017	20-04-2017
P.U.(A)145/2017	Perintah Optik (Pindaan Jadual Kedua) (No.2) 2017	24-05-2017
P.U.(A) 234/2017	Perintah Optik (Pindaan Jadual Kedua) (No.3) 2017	15-08-2017
P.U.(A) 29/2019	Perintah Optik (Pindaan Jadual Pertama) 2019	01-02-2019
P.U.(A) 30/2019	Perintah Optik (Pindaan Jadual Kedua) 2019	01-02-2019
P.U.(A) 331/2021	Perintah Optik (Pindaan Jadual Kedua) 2021	07-08-2021

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

AKTA 469

AKTA OPTIK 1991

SENARAI PINDAAN

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
Jadual Pertama	P.U. (A) 597/1996	13-12-1996
	P.U. (A) 122/1997	28-03-1997
	P.U. (A) 158/2006	28-04-2006
	P.U.(A) 121/2017	14-04-2017
	P.U.(A) 125/2017	20-04-2017
	P.U.(A) 29/2019	01-02-2019
Jadual Kedua	P.U. (A) 66/1994	25-02-1994
	P.U. (A) 159/2006	28-04-2006
	P.U. (A) 159/2007	13-04-2007
	P.U. (A) 463/2008	31-12-2008
	P.U. (A) 33/2010	05-02-2010
	P.U. (A) 207/2011	29-06-2011
	P.U. (A) 231/2014	13-08-2014
	P.U. (A) 14/2015	31-01-2015
	P.U. (A) 1/2016	08-01-2016
	P.U.(A) 74/2017	14-03-2017
P.U.(A) 125/2017	20-04-2017	

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
	P.U.(A) 145/2017	24-05-2017
	P.U.(A) 234/2017	15-08-2017
	P.U.(A) 30/2019	01-02-2019
	P.U.(A) 331/2021	07-08-2021
